

25/01/2002

Operasi bersih Lembah Klang (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Khamis - Pihak berkuasa akan melancarkan operasi pembersihan di kawasan penjaja sekitar Lembah Klang, terutama di Chow Kit, bagi memastikan tiada lagi rakyat Indonesia yang berniaga secara haram di situ.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kawasan itu serta pusat penjaja lain adalah khusus untuk peniaga tempatan tetapi kini dikuasai penjaja rakyat asing.

Katanya, masalah timbul kerana peniaga tempatan yang mendapat lesen dan tempat berniaga daripada kerajaan di situ serta tempat lain, menjualnya pula kepada pendatang Indonesia.

Bagaimanapun, Perdana Menteri percaya tindakan yang diambil dalam menangani masalah ditimbulkan rakyat Indonesia di negara ini tidak akan menjejaskan hubungan baik antara Kuala Lumpur dan Jakarta.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini petang ini, beliau berkata MT menyokong tindakan yang sedang diambil kerajaan bagi membendung tindakan tidak bertanggungjawab pekerja dari negara jiran itu.

Beliau menjelaskan, melalui operasi membersihkan kawasan penjaja di Lembah Klang, kerajaan mahu memastikan tindakan menjual tapak niaga kepada rakyat asing tidak terus berleluasa.

"Ya, kita akan lancarkan (operasi pembersihan)... tetapi yang jadi masalah ialah penjaja kita jual tempat kepada orang. Sebab itu dia mengadu... orang Indonesia ambil semua tempat dia (kerana) dia dah jual.

"Kita bagi lesen kat dia, dia jual juga. Kita bagi tempat kat dia pun, dia jual juga... takkan (orang asing) boleh masuk tempat itu, berada di situ. Macam mana orang Indonesia boleh masuk," katanya.

Kabinet semalam memutuskan rakyat Indonesia tidak akan diambil bekerja buat sementara waktu kerana jumlah mereka yang terlalu ramai di negara ini sekarang, menimbulkan banyak masalah termasuk jenayah.

Dua rusuhan membabitkan pendatang Indonesia berlaku minggu lalu saja, yang pertama membabitkan pekerja kilang Hualon di Nilai apabila lebih 500 pekerja bertindak liar membalikkan tiga kenderaan polis serta merosakkan harta benda kerana membantah tindakan polis menahan 16 rakan mereka yang didapati positif dalam ujian dadah.

Satu lagi rusuhan berlaku di Kampung Limau Manis, Dengkil pada Selasa lepas membabitkan perkelahian dua kumpulan pendatang Indonesia dari Aceh.

Dr Mahathir berkata, jika pendatang Indonesia merampas tempat penjaja, sudah pasti peniaga tempatan membuat aduan kepada pihak berkuasa. Bagaimanapun penjaja tempatan tidak berbuat demikian kerana tidak mahu tindakan mereka menjualnya kepada orang asing diketahui.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan juga yang terpaksa campur tangan bagi menangani masalah itu.

"Semuanya kerajaanlah kena buat...dia jual, kerajaan rampas balik bagi kat dia, (kemudian) dia jual, kerajaan rampas balik. Jadi dia buat perniagaan dengan menjual tempat.

"Kalau kita tak bagi (lesen dan tempat berniaga), nanti dia ugut tidak undi calon Barisan Nasional," katanya.

Mengenai kemungkinan semua langkah yang diambil bagi menangani masalah pekerja Indonesia di negara ini boleh mengeruhkan hubungan Kuala Lumpur-Jakarta, beliau berkata ia tidak akan berlaku kerana hubungan kerajaan kedua-dua negara adalah baik.

Beliau berkata, ada pihak tertentu di Indonesia yang cuba memburukkan

hubungan Malaysia-Indonesia dengan membuat pelbagai tuduhan tidak berasas termasuk tindakan oleh polis negara ini terhadap pekerja republik itu.

"Ada kelompok tertentu di Indonesia yang memang tidak suka hubungan baik Malaysia dengan Indonesia. Saya yakin kita boleh tangani, kita ada hubungan baik dengan kerajaan Indonesia,".

Sebuah badan melobi yang berpangkalan di Jakarta dilaporkan mendakwa kononnya layanan buruk dan penderaan polis Malaysia terhadap pekerja Indonesia menyebabkan mereka merusuh.

Dr Mahathir berkata, pihak yang melemparkan tuduhan mengenai kekerasan polis Malaysia itu harus menunjukkan bukti mengenainya.

"Tuduhan seperti itu tidak patut dibuat kerana mereka yang berkenaan itu perlu terlebih dulu menentukan benar atau tidak dakwaan itu. Bandingkan dengan police brutality di sana. Kita tengok gambar di sana, bandingkan dengan gambar-gambar di sana, nampak di sana lebih brutal lagi," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan, keputusan kerajaan semalam untuk hanya mengambil pekerja dari Indonesia sebagai pilihan terakhir merangkumi sektor pembantu rumah.

Bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Malaysia masih boleh mengambil pekerja dari Indonesia.

Beliau berkata, yang mengeruhkan hubungan antara dua negara ialah mereka yang merusuh kerana tindakan itu menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan kerajaan dan rakyat Malaysia terhadap pendatang dari Indonesia.

"Merekalah yang mengeruhkan, bukan kita," katanya sambil menolak dakwaan seorang menteri Indonesia bahawa kejadian rusuhan itu sebagai kes terpencil.

"Banyak kes yang kita senyap, banyak jenayah yang berlaku kita anggap sebagai jenayah biasa. Kalau kita jumlah pendatang dari Indonesia, berbanding jumlah jenayah, kita dapati jenayah dilakukan mereka agak besar membabitkan keganasan termasuk mengguna senjata ketika merompak.

"Kita tidak membantah tapi apabila rusuhan dibuat oleh satu kumpulan, lepas itu satu kumpulan lagi, lepas itu satu kumpulan lagi, saya fikir kita tak boleh lagi nak berdiam diri.

"Kita sudah memberi banyak layanan kepada mereka. Kita juga tidak akan menyimpan mereka... kalau mereka datang secara haram, mereka akan dihantar balik serta-merta," katanya.

Dr Mahathir berkata, dianggarkan kira-kira dua juta rakyat Indonesia berada di negara ini termasuk yang haram. Bagaimanapun, kerajaan akan membuat kajian bagi mengetahui jumlah pekerja Indonesia yang diperlukan kerana angka sebenar buat masa ini tidak diketahui.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan kebanjiran pekerja Indonesia di negara ini kerana sikap majikan yang mahu memberi upah rendah.

"Sebenarnya orang Malaysia tak sanggup nak kerja. Orang Indonesia, dia kerja sampai malam. Bagi gaji tambahan atau lebih masa, dia kerja sampai malam. Kita tengok di tapak pembinaan, nak cari orang Melayu susah," katanya.

(END)